

► Tatabahasa

Betulkan kesalahan bahasa bagi bahagian yang bergaris dalam petikan di bawah ini. **SP 5.6.1**

Untuk menempuhi suatu perjalanan yang jauh, tenaga dan kekuatan mental amat diperlukan. Jika tiada ada persediaan yang rapi, perjalanan kita akan mendatangkan banyak masalah. Oleh itu, setiap individu-individu yang hendak menempuhi perjalanan yang jauh mestilah melakukan pelbagai penyediaan.

Kita mestilah memeriksa kenderaan terlebih dahulu. Tindakan melupakan ciri-ciri keselamatan kenderaan ini boleh mendatangkan kesulitan kepada kita.

Tahap kesihatan dan kecergasan pemandu juga mesti diberi perhatian yang serious. Pemandu yang kurang sihat, letih, dan mengantuk akan membahayakan keselamatan orang lain ketika memandu di jalanraya.



Nota Tatabahasa

Antara kesalahan bahasa yang lazim dilakukan dalam penulisan ialah:

- Kesalahan Ejaan**
 baucer (X) – baucar (✓)
 serious (X) – serius (✓)
 cop (X) – cap (✓)
- Kesalahan Kata Majmuk**
 kerja sama (X) – kerjasama (✓)
 lebuhraya (X) – lebuh raya (✓)
 jalanraya (X) – jalan raya (✓)
- Kesalahan Kata Bilangan**
 para-para penonton (X) – Para penonton (✓)
 setiap murid-murid (X) – setiap murid (✓)
 setengah individu (X) – sesetengah individu (✓)
- Kesalahan Kata Sendi Nama**
 oleh kerana (X) – oleh sebab (✓)
 demi untuk negara (X) – demi untuk negara (✓)
 sejak dari dahulu (X) – sejak/dari dahulu (✓)

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1 tiada ada	
2 setiap individu-individu	
3 penyediaan	
4 melupakan	
5 serious	
6 jalanraya	